

Headline	26 penduduk dipilih jadi penerima subsidi RMR1M		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	03 Apr 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,940
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,821



26 penduduk dipilih jadi penerima subsidi RMR1M



Noraini (duduk, tengah) bersama penerima Sijil Kelayakan RMR1M dalam kawasan Parlimen Parit Sulong yang pembinaannya akan dilakukan pada tahun ini.

BATU PAHAT - Seramai 26 penduduk yang layak di Parlimen Parit Sulong mendapat durian runtuh apabila mereka dipilih sebagai penerima subsidi Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M).

Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Dr Noraini Ahmad berkata, jumlah keseluruhan bantuan diberikan adalah sebanyak RM827,000, dengan setiap pemohon tersebut menerima RM31,840 untuk setiap unit rumah yang dibina.

Menurutnya, ia termasuklah kadar faedah pinjaman sebanyak dua peratus yang ditanggung kerajaan, atau sebanyak RM11,840 serta bakinya RM20,000 untuk kos pembinaan sebuah rumah.

“Secara totalnya setiap rumah kos pembinaannya sekitar RM65,000. Setelah ditolak dengan subsidi kerajaan yang diberikan, setiap penerima subsidi RMR1M

ini hanya perlu membayar sebanyak RM270 sahaja untuk setiap bulan.

“Mereka yang menerima subsidi ini seharusnya bersyukur kerana dengan jumlah berkenaan mereka dapat memiliki rumah sendiri yang selesa berbanding dengan menyewa yang harganya lebih tinggi daripada rumah RMR1M ini,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan Inden Kerja RMR1M Peringkat Parlimen Parit Sulong yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Datuk Ahmad Azizi Ali.

Sementara itu, menurut Ahmad Azizi, semenjak 2002 hinggalah Februari 2017, sebanyak 86,327 permohonan diterima oleh pihaknya di seluruh negara namun hanya 46,552 sahaja yang

diluluskan.

Katanya, daripada jumlah berkenaan sebanyak 37,315 unit RMR1M berjaya disiapkan, 7,595 unit masih dalam proses pembinaan dan 1,642 lagi dalam peringkat dokumen perjanjian.

“Manakala sebanyak 28,268 permohonan ditolak atas faktor tertentu seperti masalah pemilikan tanah dan sebanyak 11,507 permohonan kini masih berada dalam senarai menunggu kelulusan.

“Bagi negeri Johor pula, sebanyak 11,326 permohonan diterima semenjak RMR1M ini diperkenalkan dan daripada jumlah berkenaan sebanyak 2,276 diluluskan, selain 5,113 siap dibina, 1,068 sedang dibina serta 95 lagi masih dalam dokumen perjanjian.

“Bagi 2017 ini pula di seluruh negara kita mensasarkan sebanyak 10,000 RMR1M berjaya disiapkan,” katanya.